



APPAIRALLY diiringi Asyraaf (kiri) dan pegawai pemeriksa lain sedang melakukan ujian di padang rumput tiruan UMS.

Fifa iktiraf padang rumput tiruan UMS

UB 15.9.2016 All

Oleh VITALIS G BINGKASAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakar satu lagi lembaran baru dalam bidang sukan dengan memiliki padang rumput tiruan terbaik di Borneo dan salah satu yang terbaik di negara ini.

Wakil pemeriksa Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Anthony Appairally yang telah dibawa khas untuk menguji padang yang mula dibina pada Mei lalu dan siap pada penghujung bulan lalu berkenaan mengesahkan bahawa ia menepati piawaian Fifa.

Appairally berkata, padang berukuran 68mx105m serta ruang kosong dua meter di tepi dan tiga meter di belakang gawang berkenaan adalah saiz yang bertaraf antarabangsa.

Katanya, ia sesuai untuk sebarang perlawanan dan pertandingan atau sebagai padang latihan dan perlawanan bagi skuad kebangsaan.

Padang berkenaan dikatakan mempunyai permukaan yang lembut dan selesa ketika digunakan.

Permukaan juga tidak terasa panas semasa suhu panas kerana diserap oleh pasir di bawah permukaan rumput. Padang itu juga dilengkapi pam air di empat bahagian yang akan digunakan ketika suhu terlalu panas serta



AKSI Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Harun Abdullah semasa perlawanan persahabatan sulung di padang rumput tiruan UMS yang baru siap dibina.

pagar aluminium setinggi lapan kaki.

Rumput tiruan berukuran 55mm yang digunakan berjenama Greenfield dari Belanda di mana ianya diiktiraf oleh FIFA.

"Kami baru selesai ujian mengikut spesifikasi Fifa dan setakat ini semuanya baik dan ianya menepati keperluan. Padangnyanya baik dan mungkin salah satu yang terbaik di Malaysia.

"Ia sesuai untuk dijadikan padang latihan dan perlawanan bagi pasukan universiti dan pasukan kebangsaan...untuk perlawanan persahabatan dan sebarang acara," kata Appairally.

Selepas padang berkenaan diuji oleh pemeriksa Fifa, satu perlawanan persahabatan diadakan di kalangan pengurusan tertinggi UMS yang diketuai oleh Naib Canselor, Professor Datuk Dr. Harun Abdullah dan pasukan pegawai tadbir UMS.

"Ia satu kebanggaan bagi UMS memiliki padang rumput tiruan yang diiktiraf badan induk bola sepak dunia FIFA," kata Harun.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd. Asyraaf Fong Abdullah yang turut bersama semasa pemeriksaan padang dan perlawanan persahabatan itu berharap kemudahan terbaru itu akan membantu pembangunan bola sepak negeri ini dengan lebih berkesan.

Perlawanan persahabatan berkenaan menyaksikan pasukan Pengurusan Tertinggi UMS menewaskan pegawai tadbir UMS 3-2.



PEMERIKSA FIFA sedang melakukan ujian di gawang padang rumput tiruan UMS.